

# Kita hanya bantah pangkalan tetap AS di Singapura - PM

KUALA LUMPUR 7 Julai — Kerajaan Malaysia hanya akan membantah penempatan kelengkapan tentera Amerika Syarikat di Singapura jika ia dijadikan sebuah pangkalan tetap.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan sehingga kini Kerajaan Singapura hanya memaklumkan bahawa mereka cuma menawarkan penempatan sementara untuk tentera Amerika di Pasifik menggunakan kemudahan pangkalannya sebagai pusat penyelenggaraan pesawat dan kapal perang.

Katanya selagi pangkalan tersebut tidak bersifat tetap Malaysia tidak akan memandangnya sebagai satu ancaman kepada kestabilan rantau ini yang mendokong falsafah bebas, aman dan berkecuali.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan yang mengatakan bahawa Singapura dan Amerika Syarikat akan menandatangani perjanjian ketenteraan tidak lama lagi bagi membolehkan penempatan beberapa buah pesawat pejuang F-16 dan kapal perang untuk tujuan penyelenggaraan.

Menjawab soalan para pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini beliau berkata Kerajaan Malaysia tidak membantah keinginan tentera Amerika untuk menggunakan pangkalan di Singapura tetapi apa yang dikhuatiri ialah jika penggunaannya bersifat tetap ataupun untuk jangka waktu yang panjang seperti Filipina.

"Soal menjadikannya sebagai pangkalan tetap yang kita tak setuju tetapi sekadar menggunakan kemudahan ia tidak mungkin akan mengancam kestabilan di rantau ini," katanya.

Ditanya apakah Kerajaan Malaysia dimaklumkan bahawa penggunaan pangkalan tentera Singapura oleh tentera Amerika akan melibatkan penempatan empat pesawat Supersonik F-16, Perdana Menteri berkata setakat ini perkara itu belum diberitahu.

"Saya fikir biarlah saya tunggu dahulu sebelum memberi sebarang komen lanjut kerana Malaysia masih belum mendapat sebarang penjelasan daripada Kerajaan Singapura buat masa ini mengenai perkara itu," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Agensi berita luar negeri semalam melaporkan bahawa kedua - dua kerajaan itu sedang bersiap sedia untuk menandatangani perjanjian ketenteraan tidak lama lagi yang akan membolehkan Amerika meletakkan kelengkapan pesawat pejuang dan kapal perangnya di Singapura.

Mengikut laporan tersebut, di bawah perjanjian itu, Amerika akan dibenarkan menempatkan sekurang - kurangnya empat buah pesawat pejuang supersonik temoden F-16 di Singapura di samping menempatkan kapal - kapal perangnya untuk tujuan penyelenggaraan serta 160 hingga 170 kakitangan ketenteraan.